

05/11/2001

Pemimpin perlu tinjau projek

KUALA LUMPUR, Ahad - Semua Menteri, Menteri Besar, Wakil Rakyat dan Pegawai Kerajaan di setiap peringkat diarahkan supaya mengamalkan pendekatan 'hands-on' dan melihat sendiri kemajuan projek termasuk di luar bandar dan projek kemiskinan.

Pengarah Eksekutif Majlis Tindakan Ekonomi Negara (MTEN) Datuk Mustapa Mohamed, berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengeluarkan arahan itu ketika mesyuarat MTEN, 30 Oktober lalu.

"Yang penting kita kena 'hands-on', seboleh-bolehnya setiap rekod tahap pelaksanaan program atau projek disertakan dengan gambar bagi membuktikan kesungguhan pihak pelaksana dan pemantau," katanya.

Mustapa berkata, apa yang penting ialah proses agihan projek dijalankan dengan berkesan dan sehubungan itu, kaedah pemilihan penerima dan kawasan yang disasar perlu diperbaiki.

"Pada pendapat saya, adalah lebih wajar jika Jawatankuasa Keselamatan dan Kemajuan Kampung (JKKK) diberi tanggungjawab utama untuk menentukan penerima, kawasan dan bentuk projek yang hendak dilaksanakan. Ini kerana JKKK lebih mengetahui kehendak rakyat di kawasan mereka," katanya.

Mustapa berkata, beliau menerima beberapa aduan daripada akar umbi mengenai kelewatan projek di kawasan mereka. Ia tidak sepatutnya berlaku kerana perancangan seharusnya dilakukan dari awal memandangkan projek sasaran sudahpun disenarai dan diunjurkan dalam rancangan lima tahun negara.

"Perdana Menteri juga memandang berat masalah ini dan baru-baru ini mengarahkan kementerian dan agensi kerajaan agar mengadakan perancangan setahun lebih awal dalam menentukan projek, umpamanya perancangan untuk membina sekolah, tanah perlu dikenal pasti setahun lebih awal.

Ini akan membolehkan projek dilaksanakan mengikut jadual tanpa menunggu pengumuman belanjawan kerana kerajaan tidak mahu lagi kementerian dan agensi menunggu sehingga belanjawan dibentangkan untuk merancang projek mereka.

Mengenai projek pembasmian kemiskinan yang menjadi isu selepas penyiaran laporan Ketua Audit Negara baru-baru ini, Mustapa mengakui laporan itu menunjukkan adanya kelemahan dalam projek pembasmian kemiskinan, yang kini dikenali sebagai Program Kesejahteraan Rakyat.

Program berkenaan membabitkan pembinaan rumah, bantuan ekonomi, pinjaman, makanan tambahan keluarga termiskin, pertanian dan pemulihan rumah.

"Tetapi perlu kita akui program membantu rakyat termiskin di Malaysia adalah yang paling berjaya di dunia. Walaupun terdapat kelemahan, kerajaan mengambil tindakan dari semasa ke semasa untuk memperbaikinya," katanya.

(END)